

APLIKASI CLASSKICK DALAM PENILAIAN BACAAN AL-QURAN: KAJIAN DALAM KALANGAN PELAJAR MADRASAH ALSAGOFF AL-ARABIAH, SINGAPURA

Nur Hayati Binte Jumali
nurhayati_jumali@alsagoff.edu.sg
Madrasah Alsagoff Al-Arabiah

ABSTRAK

Al-Quran merupakan kalam Allah s.w.t yang bersifat mukjizat atas Rasulullah s.a.w sebagai panduan buat seluruh umat manusia. Membaca ayat al-Quran mempunyai nilai ibadah dan ia perlu dibaca dengan adab, tartil, tajwid dan tenang. Umumnya, pembelajaran tajwid diperkenalkan secara formal di peringkat sekolah untuk memperkemarkan bacaan. Ia dibahagikan kepada dua aspek, iaitu teori yang menekankan tentang hukum dan praktikal yang menekankan ketepatan bacaan. Walau bagaimanapun, cabaran yang sering dihadapi oleh guru ialah masa yang terhad untuk meneliti bacaan pelajar secara individu di dalam bilik darjah. Manakala cabaran bagi pelajar adalah untuk memantapkan bacaan agar terus konsisten memperbaiki bacaan. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk memperkenalkan aplikasi classkick sebagai ruang interaktif untuk memudahkan pelajar merakam bacaan dan guru membuat penilaian. Kajian ini menggunakan metode pengumpulan data yang dilakukan melalui rakaman ayat-ayat al-Quran terpilih dari pelajar Menengah Satu, Madrasah Alsagoff Al-Arabiah. Data rakaman tersebut kemudian dianalisis dan dihurai secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bacaan al-Quran pelajar dapat disemak dengan lebih mudah oleh guru secara fleksibel serta pelajar didapati lebih mudah mengenalpasti dan memperbaiki kesalahan sekaligus meningkatkan mutu bacaan mereka.

Kata Kunci: Classkick, penilaian bacaan, al-Quran, Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura.

1.0 PENGENALAN

Tajwid merupakan ilmu dan teknik membaca al-Quran secara betul, tepat dan sempurna (Mohammad Asraff Ayob:2016). Ia merupakan elemen terpenting dalam pembacaan al-Quran untuk mencapai tahap yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. Ianya selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan bacalah Al-Quran dengan tartil (bertajwid)” (Al-Muazammil, 73:4).

Oleh yang demikian, sudah menjadi kewajipan bagi setiap pembaca al-Quran perlu menitikberatkan cara pembacaan yang betul dan sudah tentu ia memerlukan ketelitian dari tenaga pengajar dan kesungguhan dari pihak pelajar dalam pengajian al-Quran.

2.0 LATARBELAKANG KAJIAN

Penggunaan teknologi didapati mampu memberi impak positif terhadap pelajar. Pelajar yang didedahkan dengan kemudahan teknologi akan lebih aktif dan responsif terhadap

pembelajaran. Oleh itu, ia dianggap salah satu cara efektif untuk menyelesaikan pelbagai aktiviti bagi mencapai objektif sesuatu pembelajaran (Passey, Rogers, Machell, McHugh dan Allaway: 2003).

Berpandukan kenyataan berikut, maka Madrasah Alsagoff telah memanfaatkan teknologi dalam pembelajaran bermula tahun 2011. Malah pada tahun 2020, madrasah telah diiktiraf sebagai Sekolah Unggul Apple; iaitu sebuah pusat kecemerlangan dalam pendidikan dan kepimpinan yang memaparkan visi Apple. Pencapaian ini diraih disebabkan penggunaan iPad sebagai alat bantu mengajar (ABM) secara konsisten oleh pelajar dan guru.

Menurut Mudir Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Ustaz Syed Mustafa Alsagoff, pelajar harus mahir memanfaatkan teknologi terkini dalam pembelajaran untuk melahirkan pemimpin agama abad ke-21 yang mampu menyumbang khidmat yang diperlukan masyarakat pada masa akan datang (Natasha Mustafa: 2020).

Namun begitu, teknologi sahaja tidak memadai untuk memastikan objektif pembelajaran tercapai. Strategi pembelajaran yang relevan juga penting dan diperlukan untuk memenuhi keperluan generasi net yang lebih gemar kepada sumber digital untuk mengakses informasi, berkomunikasi dan mencari solusi masalah yang dihadapi (Aisah Isnaeni:2017).

Berpandukan dua asas ini iaitu penggunaan teknologi dan strategi pembelajaran, maka kertas kerja ini akan memberi fokus pada dua aspek berikut dalam pengajaran dan pembelajaran tajwid secara praktikal. Hal ini kerana, teknologi yang sesuai dan strategi yang berkesan mampu membantu menyelesaikan cabaran yang dihadapi oleh guru iaitu keterbatasan masa untuk menyemak bacaan semua pelajar secara individu dan menangani cabaran pelajar bagi memperbaiki mutu bacaan mereka supaya lebih baik dan tepat.

Selain daripada itu, sistem penilaian yang lebih tersusun juga diberi perhatian bagi memastikan ketepatan bacaan pelajar dapat dinilai dengan lebih tepat dan sistematik.

3.0 APLIKASI CLASSKICK

Classkick merupakan salah satu alat bantu mengajar (ABM) yang menggunakan teknologi sebagai pemudahcara dalam pendidikan. Fungsi yang ada pada aplikasi tersebut adalah ruang yang disediakan sebagai pengganti kertas nota dan peperiksaan yang boleh dimuat naik. Peralatan menulis secara digital juga disediakan bagi memudahkan pelajar menulis, melukis, memuat naik gambar, berkongsi pautan dari laman web atau youtube dan membuat rakaman suara. Sudah pasti ia memudahkan proses pembelajaran pelajar dan memudahkan pelajar menyempurnakan tugas dengan baik.

Buat guru pula, ia menyediakan platform penilaian formatif yang memudahkan mereka menyiapkan pengajaran dan tugas untuk dirujuk oleh pelajar pada bila-bila masa. Guru juga boleh menilai perkembangan pelajar secara langsung dan memberi maklum balas pada ruang yang disediakan. Selain itu, ia juga menyediakan kemudahan pelekat sebagai kata-kata motivasi dari guru kepada pelajar. Guru hanya perlu memilih pelekat yang diingini dan menaip kata-kata semangat yang sesuai untuk para pelajar dalam apa sahaja bahasa yang diingini.

Secara ringkas, aplikasi ini menyediakan ruang maklum balas yang efektif antara guru dan pembelajaran bagi memastikan objektif pembelajaran dan pengajaran tercapai. Ia sekaligus memudahkan tugas guru dan meningkatkan keyakinan pelajar serta membantu mereka mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pembelajaran untuk diperbaiki. Lebih dari itu, aplikasi ini juga menyediakan platform bagi pelajar memanfaatkannya secara virtual bersama guru dan rakan tanpa pertemuan secara fizikal dan masa yang fleksibel di luar sesi pengajaran formal.

Kelebihan Classkick Dalam Pembelajaran Bacaan al-Quran

Aplikasi classkick dipilih sebagai salah satu alat bantu mengajar (ABM) dalam pembelajaran al-Quran adalah kerana ia mempunyai kelebihan seperti mudah diakses pada gajet dan alat rakaman yang canggih untuk menilai dan meneliti tugasan.

Dengan adanya kemudahan rakaman, cabaran yang dihadapi guru berkaitan keterbatasan masa untuk meneliti bacaan para pelajar secara individu di dalam bilik darjah dapat diatasi. Hal ini kerana, guru dapat mendengar secara berulang kali bacaan pelajar serta meneliti setiap bacaan mereka secara individu dalam masa yang fleksibel.

Melalui kemudahan rakaman juga, pelajar boleh membuat persediaan rapi dari rumah sebelum menghantar tugasan pada guru. Kelebihan lain adalah mereka juga masih boleh mendengar bacaan sendiri untuk menyemak ketepatan atau memperbaiki kesalahan yang dilakukan selepas dinilai oleh guru supaya dapat meningkatkan mutu bacaan al-Quran.

Justeru, kemudahan rakaman yang ditawarkan oleh aplikasi classkick sangat sesuai dengan kenyataan Ady Purna Kurniawan 2009 bahawa desain yang direka untuk melancarkan proses pembelajaran perlu menarik dan disukai oleh majoriti supaya program yang dilaksanakan mudah diikuti, difahami dan tidak menimbulkan rasa bosan.

Selain itu, ia juga mempunyai ruang yang aktif antara para pelajar dan guru. Dengan hanya menggunakan satu gajet; iaitu komputer riba atau Ipad, guru dapat memantau dan memfasilitasi semua tugasan pelajar secara langsung dengan hanya menggerakkan jari jemari sama ada di dalam bilik darjah atau di luar.

Pelaksanaan Classkick Dalam Penilaian Bacaan Al-Quran

Kecanggihan teknologi yang diaplikasi tidak menafikan keperluan pembelajaran secara bersemuka. Apatah lagi pembelajaran tajwid memerlukan seorang guru memperdengarkan bacaan secara talaqqi musyafahah iaitu secara berhadapan dengan pelajar supaya cara sebutan dapat didengari dan diikuti dengan tepat.

Justeru, pelaksanaan aplikasi classkick bertindak sebagai pelengkap kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran. Di Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, pelaksanaan proses tersebut adalah seperti berikut:

(i) Ta'lim

Guru memaparkan slide presentasi yang mengandungi petikan ayat al-Quran untuk sesi tersebut. Guru kemudian membacanya di hadapan pelajar dengan jelas beserta tajwid. Pada sesi ini, pelajar dapat melihat secara visual ayat yang dipelajari dan mendengar bacaan yang disampaikan oleh guru.

(ii) Talaqqi:

Pelajar mengulang kembali dan memperdengarkan bacaan di hadapan guru. Ia masih dilaksanakan dalam bilik darjah sama ada dengan cara talaqqi perseorangan mahupun berkumpulan, bergantung pada rancangan pengajaran harian (RPH) guru.

(iii) Mutholaah:

Pelajar memperhalusi bacaan al-Quran yang telah dipelajari secara bertajwid di rumah. Mereka diberikan tempoh selama 15 hingga 20 minit, untuk merakam bacaan dan menghantar tugasan melalui aplikasi classkick.

(iv) Tasmik:

Setelah bacaan pelajar diperakui baik oleh guru dari sudut kelancaran dan tajwid, pelajar perlu menghafal ayat tersebut. Kuantiti hafalan bergantung kepada kemampuan pelajar berpandukan tarikh yang ditetapkan oleh guru.

(v) Tamrin:

Pelajar dikehendaki menulis semula ayat hafalan bagi mengukuhkan kemantapan ingatan. Gred dan maklum balas diberi berdasarkan prestasi pelajar sebagai motivasi dan galakan untuk mendapat pencapaian yang lebih baik.

(vi) Taqdim:

Pelajar diminta membuat pembentangan seperti menerangkan hukum berkaitan ayat pilihan yang ditentukan oleh guru.

Berdasarkan proses pengajaran ini, aplikasi classkick menggunakan metod rakaman digunakan dalam proses (iii) dan (iv). Manakala proses interaktif dengan penilaian dan pembentangan adalah pada proses (v) dan (vi).

4.0 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan pengumpulan data yang dilakukan melalui rakaman bacaan yang merangkumi ayat-ayat al-Quran dipilih. Data rakaman tersebut kemudian dianalisis dan dihurai secara deskriptif.

Responden bagi kajian ini merupakan pelajar tingkatan satu seramai 17 orang. Tajuk utama bagi kajian ini ialah Mad Lazim Harfi yang merupakan salah satu silibus dalam pembelajaran responden. Namun Mad 'Aaridh dan Mad Asli juga turut diuji, untuk meneliti dan meningkatkan kepekaan pelajar dalam mengimpkasikan hukum-hukum tersebut dengan jelas.

Perincian soalan bagi kajian ini ialah sebanyak tiga bahagian (A, B dan C) iaitu: membaca ayat pilihan tanpa rakaman.

merakam bacaan ayat pilihan di aplikasi classkick.

merakam bacaan dan menerangkan hukum tajwid pada ayat pilihan dengan jelas di classkick.

Ayat pilihan tersebut dipilih untuk menilai kecekapan responden dalam mengaplikasikan hukum tajwid dari sudut bacaan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melihat kepekaan responden ketika menjelaskan hukum-hukum tajwid yang ada dengan tepat.

Rakaman bacaan dilaksanakan sepenuhnya oleh responden di kediaman masing-masing. Namun, bagi melancarkan proses rakaman dan memudahkan penilaian guru, sesi taklimat diadakan supaya langkah-langkah tersusun dapat diikuti:

Responden daftar masuk ke laluan Classkick.

Responden menggunakan kata laluan yang diberi oleh guru.

Responden mendafatar masuk nama.

Responden menggunakan audio untuk merakam bacaan yang telah ditetapkan.

Jika ada kesilapan dalam bacaan, responden boleh sahaja memadam (delete) dan melakukan rakaman semula dengan mudah.

Responden menggunakan alat digital untuk menjelaskan hukum tajwid yang diminta oleh guru.

Responden menekan tanda klik sebagai isyarat soalan telah selesai dijawab dan tugas telah disempurnakan.

Jadual di bawah menunjukkan soalan terpilih bagi sesi penilaian ini. Responden dikehendaki merakam bacaan mereka dengan jelas dan bertajwid, seterusnya menerangkan hukum pada perkataan yang digariskan.

Jadual 1: Soalan Kajian

Bil.	Ayat Kajian
1	(سورة مريم: ١-٢) (كهيعص (١) ذِكْرُ رَحْمَتِ رَبِّكَ عَبْدَهُ زَكَرِيَّا (٢)
2	ق وَالْقُرْآنَ الْمَجِيدِ (١) {سورة ق: ١}.
3	(سورة مريم: ١-٢) (كهيعص (١) ذِكْرُ رَحْمَتِ رَبِّكَ عَبْدَهُ زَكَرِيَّا (٢)
4	(سورة ق: ١) (ق وَالْقُرْآنَ الْمَجِيدِ (١)

5.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden dapat membaca ayat pilihan tersebut dengan tajwid yang baik. Ianya tercapai setelah proses rakaman di aplikasi classkick dijalankan. Dengan penggunaan teknologi, hasil rakaman pelajar dapat disemak dengan lebih kemas dan mudah sama ada dari sudut bacaan bertajwid atau penerangan hukum.

Jadual 2 : Dapatan Kajian

No	Soalan Kajian	Jawapan sebenar	Dapatan	
1	كهيعص	كاف	Hukum: Mad Lazim Harfi Mukhaffaf. Bacaan :6 harakat.	Hukum: 100% dapat menjawab dengan betul. Bacaan : 88.2% dapat membaca dengan tepat.
		ها	Hukum: Mad Lazim Harfi Mukhaffaf. Bacaan: 2 harakat seperti Mad Asli.	Hukum: 100% dapat menjawab dengan betul Bacaan : 100% dapat membaca dengan tepat.
		يا	Hukum: Mad Lazim Harfi Mukhaffaf. Bacaan: 2 harakat seperti Mad Asli.	Hukum: 100% dapat menjawab dengan betul Bacaan : 100% dapat membaca dengan tepat.
		عين	Hukum: Mad Lazim Harfi Mukhaffaf. Bacaan: 4 atau 6 harakat, Serta membacanya dengan ikhfa'.	Hukum: 88.2% dapat menjawab dengan betul Bacaan : 100% dapat membaca dengan tepat.
		صاد	Hukum: Mad Lazim Harfi Mukhaffaf Bacaan: 6 harakat.	Hukum : 100% dapat menjawab dengan betul Bacaan : 100% dapat membaca dengan tepat.

2	ق		Hukum: Mad Lazim Harfi Mukhaffaf Bacaan: 6 harakat.	Hukum : 100% dapat menjawab dengan betul Bacaan : 100% dapat membaca dengan tepat.
3	زكريا		Hukum: Mad Asli Bacaan: 2 harakat.	Hukum : 94.1% dapat menjawab dengan betul Bacaan : 100% dapat membaca dengan tepat.
4	المجيد		Hukum: Mad ‘Aaridh sebab diwaqafkan. Bacaan: dibaca 2/4/6	Hukum : 100% dapat menjawab dengan betul Bacaan : 100% dapat membaca dengan tepat.

Jika dilihat secara sepintas lalu, jumlah soalan yang dikemukakan kepada responden hanyalah sebanyak empat soalan. Namun, apabila ia dipecahkan kepada beberapa bahagian kecil, soalan bertambah menjadi lapan.

Daripada lapan soalan tersebut, hanya dua bahagian yang tidak mencapai tahap 100% jawapan betul dari responden iaitu pada jawapan berkaitan hukum pada ‘ain dan kalimah zakariyya. Manakala bagi bahagian bacaan pula, kesilapan kecil didapati berlaku pada huruf kaf sahaja.

Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden dapat membaca petikan ayat dan menjawab soalan yang dikemukakan dengan sangat baik manakala kesilapan yang dilakukan akan disimpulkan pada bahagian seterusnya, iaitu rumusan.

6.0 RUMUSAN

Analisis secara keseluruhan mendapati penguasaan responden terhadap tajuk yang dipelajari adalah sangat baik. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki khususnya pada tajuk yang dikaji, seperti berikut:

Kekeliruan Pada Ejaan Asal Huruf

Kesalahan pada bacaan boleh terjadi jika terdapat kekeliruan pada ejaan asal huruf muqatho’ah. Ia boleh menyebabkan kesilapan pada bacaan harakat mad dan menjejaskan ketepatan tajwid. Contohnya, huruf kaf yang mengandungi tiga huruf perlu dibaca dengan kadar dua harakat sahaja seperti hukum Mad Asli. Namun, oleh kerana ia adalah Mad Lazim Harfi, maka ia perlu dibaca dengan kadar enam harakat.

Penggabungan Dua Hukum Tajwid Pada Ejaan Perkataan Asal

Kekeliruan pada penggabungan dua hukum tajwid boleh dielakkan jika responden meneliti ejaan asal huruf muqatho’ah. Hal ini kerana, huruf ain merupakan Mad Lazim Harfi yang perlu dibaca dengan enam harakat tanpa idgham tetapi bacaan perlu diteruskan beserta ikhfah hakiki dengan tambahan dua harakat kerana terdapat huruf nun yang bertemu dengan huruf sod pada ejaan asal.

Kekeliruan Hukum Mad Asli Ketika Waqaf

Mad Asli dan Mad Lazim Harfi kelihatan sama pada zahirnya. Ini menyebabkan sedikit kekeliruan ketika ia dibaca dengan waqaf pada perkataan زكريا. Walau pun ia dibaca dengan tepat namun responden perlu peka perbezaan hukum pada perkataan tersebut. Hal ini kerana responden didapati memberikan jawapan Mad Lazim Harfi Mukhaffaf bagi kalimah tersebut kerana ia diakhiri adalah huruf ya’.

7.0 CADANGAN

Antara cadangan yang boleh diutarakan bagi penambaan penilaian dalam pembelajaran bacaan al-Quran:

1. Penggunaan aplikasi classkick bukan hanya bermula dengan rakaman bacaan pelajar dan terhenti pada penilaian guru tetapi perlu dilanjutkan dengan sesi pembetulan bacaan oleh pelajar supaya tahap penguasaan dan kemahiran mereka dapat dipertingkatkan.
2. Guru boleh melantik beberapa orang pelajar yang baik bacaannya berpandukan rekod dari aplikasi classkick untuk membantu pelajar lain yang lemah dalam bacaan.
3. Data yang disimpan dalam sistem boleh dijadikan rujukan lain sekiranya perlu. Contoh, jika ada pertandingan hafazan, tilawah dan sebagainya untuk mewakili sekolah, maka guru tidak perlu membuat saringan malah hanya merujuk pada rekod simpanan sedia ada.
4. Keadahan pada hukum tajwid harus dikuasai untuk mencapai bacaan bertajwid dengan jelas.

8.0 KESIMPULAN

Penguasaan pelajar terhadap soalan yang diaju dalam kajian ini masih boleh dipertingkatkan. Ini terbukti kerana 88.2% sahaja yang dapat menjawab keseluruhan soalan dengan tepat. Justeru, banyak aspek lain yang perlu diperhalusi dan menuntut pada kajian berbeza. Walau bagaimanapun, dengan adanya aplikasi classkick, ia membantu pelajar untuk mengekalkan prestasi baik yang dicapai dan pada masa yang sama menyemak kembali kesalahan yang dilakukan untuk penambaan pada masa akan datang. Bagi guru pula, ia memudahkan mereka untuk menyimpan data dan rekod pelajar untuk proses penilaian dan peningkatan mutu pengajaran.

9.0 RUJUKAN

- Ady Purna Kurniawan. (2009). Panduan Belajar Cara Membaca Al-Quran (Tajwid) Berbaris Macromedia Falsh 8. Fakultas Teknik Jurusan Teknik Elektro Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Aisah Isnaeni. (2017). Pengembangan assemen melalui Edmodo untuk meningkatkan keterampilan berpikir kritis dan komunikasi abad ke-21 pada pembelajaran lingkungan. Universitas Pendidikan Indonesia, respository.upi.edu, perpustakaan.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abdul al-Rahman. Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran. Kaherah: Maktabah al-Masyhad al-Husaini. Tahqiq Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim (1999).
- Anderson, Lorin W. & Krathwohl, David R. (2001). A Taxonomy for Learning, Teaching and Assessing: a Revision of Bloom's Taxonomy. New York. Longman Publishing.
- Chua Yan Piaw. (2011). Kaedah Penyelidikan. Edisi kedua. Mc Graw Hill Malaysia Sdn. Bhd.
- Dwyer, D.C, Ringstass, C., & Sandholtz, J., (1990). The evolution of teacher's instructional beliefs and practice in high – access to technology classrooms. Boston: American Education Research Association.
- Hashim, A., Tamuri, A. H., & Jemali, M. (2013). Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia.
- Latifah Arifin. (2019). Berguru dalam ilmu tajwid. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/588867/berguru-dalami-ilmu-tajwid>

- Madrasah Alsagoff Al-Arabiah. (1982). Assirat. Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura.
- Ministry of Education. (2001). ICT Masterplan in the Singapore Education System. Dipetik daripada <https://tinyurl.com/yap8dsy6>.
- Mohammad Asraf Ayob Al-Hafiz. (2016). Mudahnya Ngaji Tajwid. Kajang Selangor.
- Natasha Mustafa. (2020). Madrasah Alsagoff diiktiraf sekolah memanfaatkan teknologi Apple. Dipetik daripada <https://www.beritaharian.sg/wacana/madrasah-alsagoff-diiktiraf-sekolah-manfaatkan-teknologi-apple>.
- Noraini Idris. (2010). Penyelidikan dalam Pendidikan, McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Passey D, Rogers C, Machell J, McHugh G & Allaway D. (2003). The Motivational Effect of ICT on Pupils. Department of Educational Research Lancaster University.
- Zauwiah Abidin. (2015). Penggunaan Huruf Yā' dalam Sintaksis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Madrasah Alsagoff Al-Arabiah, Singapura. Sarjana Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia.